

**DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA
DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
TUNTUTAN NO: TTPM-(P)-288-2024**

GAN HUEY VUEN

PIHAK YANG MENUNTUT

DENGAN

L & L GLASS SDN. BHD

PENENTANG

ALASAN KEPUTUSAN

- [1] Kes di hadapan Tribunal adalah berkenaan tuntutan oleh Pihak Yang Menuntut **Gan Huey Vuen (PYM)** terhadap Pihak Penentang **L & L Glass Sdn. Bhd (PP)** untuk menyiapkan kerja-kerja pemasangan *aluminium high end casement window powder coated stainless steel security mesh* (selepas ini dirujuk sebagai *security mesh*) pada tingkap premis PYM dan untuk memulangkan wang berjumlah **RM4780.90** bagi satu unit glass door yang gagal dibekal oleh PP mengikut spesifikasi yang dipersetujui antara PYM dengan PP dalam kontrak perkhidmatan bekalan dan pemasangan antara kedua-dua pihak.

Fakta kes

- [2] Pada 17 November 2023, PYM telah memasuki kontrak dengan PP untuk perkhidmatan kerja-kerja pembekalan dan pemasangan *security mesh* pada tingkap premis PP dan perkhidmatan pembekalan serta pemasangan satu unit *glass door* pada dapur premis PP.
- [3] PP telah mengeluarkan sebutharga pertama pada 20 November 2023 dan ditanda sebagai ekshibit PYM1. Selepas perbincangan antara kedua-dua pihak, PP telah meminda sebutharga dan mengeluarkan sebutharga kedua pada 21 November 2023 dan ditanda sebagai ekshibit PYM2. Pada 27 November 2023 PYM telah meminta PP untuk meminda spesifikasi pintu

mengikut rekabentuk yang dikehendaki PYM. PP selanjutnya telah meminda sebutharga dan mengeluarkan sebutharga ketiga dan ditanda sebagai ekshibit PYM3. Dalam PYM3, kerja-kerja pembekalan dan pemasangan *security mesh* dipersetujui pada harga RM23,618 dan kerja pembekalan dan pemasangan *glass door* berjumlah RM4780.90

- [4] PP memaklumkan bahawa kerja-kerja pemasangan akan disiapkan dalam tempoh 4-6 minggu selepas PYM membayar 50% daripada harga kontrak. PYM telah mengemukakan salinan mesej *whatapps* yang ditanda sebagai ekshibit PYM4 berkenaan perbincangan antara PYM dan PP berkenaan pembayaran deposit dan spesifikasi *glass door*.
- [5] PYM telah membayar 50% deposit dan resit pembayaran ditanda sebagai ekshibit PYM5. Selepas 1 bulan PP belum memulakan kerja pembekalan dan pemasangan. PYM telah menghubungi PP untuk mengetahui tarikh PP hendak memulakan kerja tersebut. Sebaliknya, pada 29 Disember 2023 PP meminta PYM menyelesaikan dahulu keseluruhan baki harga kontrak untuk membolehkan PP memulakan kerja. PYM telah menjelaskan jumlah baki harga kontrak dan resit ditanda sebagai ekshibit PYM6. PP memaklumkan kepada PYM bahawa mereka akan memulakan kerja pembekalan dan pemasangan pada 2 Januari 2024.
- [6] Pada 2 Januari 2024, pekerja PP telah melakukan kerja pembekalan dan pemasangan, dan pekerja PP telah memaklumkan kepada PYM bahawa kerja pemasangan *security mesh* telah siap kecuali pemasangan *security mesh* di dapur dan pemasangan *glass door*. Pemasangan *security mesh* di dapur tidak dapat dilakukan kerana tingkap dapur tersebut terhalang oleh barang-barang kerja binaan kabinet dapur. Manakala pemasangan *glass door* tidak dapat diteruskan kerana ukuran pintu terlalu tinggi dan perlu ditambah kekisi untuk menampung *glass door* itu.
- [7] Selanjutnya PYM mendapati bahawa pekerja PP tidak menyiapkan pemasangan *security mesh* tetapi hanya memasang *frame* pada tingkap premis tersebut.

- [8] PYM telah cuba beberapa kali menghubungi PP di antara 10 Januari hingga 17 Januari 2024 tetapi tiada respons daripada PP. Pada petang 17 Januari 2024 PP telah memaklumkan kepada PYM bahawa kerja pemasangan akan dilakukan pada minggu berikutnya.
- [9] Pada 22 Januari 2024 PP memaklumkan bahawa *glass door* tersebut telah pecah dan PP perlu merujuk dengan kilang untuk mendapatkan bekalan pintu yang baharu. PYM pula menyatakan bahawa pekerja PP telah meninggalkan *security mesh* di premis PYM tanpa dipasang. Seterusnya PP telah memaklumkan bahawa *glass door* telah pecah kali kedua semasa di premis PP. PP mencadangkan bekalan *glass door* yang baharu tetapi ditolak oleh PYM.
- [10] Pada 25 Januari 2024 pekerja PP telah datang semula untuk menyiapkan pemasangan *security mesh*. Pekerja PP telah memasang hanya sebahagian daripada *security mesh*, PYM merujuk kepada ekshibit PYM4 iaitu kerja-kerja pemasangan yang siap hanyalah di butiran A 1(a), (e)-(h), B 2(a)-(c). Pekerja PP juga telah menghantar *Glass door* ke premis PYM tetapi *glass door* itu tidak dipasang. PYM memaklumkan PP bahawa beliau tidak bersetuju dengan rekabentuk *glass door* tersebut kerana tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan PYM. PYM memaklumkan bahawa beliau hendak membatalkan pembelian *glass door* tersebut.
- [11] PYM memfailkan tuntutan terhadap PP memohon supaya PP menyiapkan kerja-kerja pemasangan *security mesh* dan menuntut RM4780.90 bagi kos *glass door*.
- [12] PP menafikan tuntutan PYM dan menyatakan bahawa pemasangan *security mesh* tidak dapat disiapkan kerana tingkap tersebut terhalang oleh barang-barang kontraktor yang sedang membuat kerja-kerja binaan kabinet dapur PYM. PP juga menyatakan bahawa kerja pemasangan lewat dilakukan kerana masalah kerosakan lori PP dan masalah *glass door* telah pecah dan perlu dibuat tempahan baharu. Selain itu PP juga menyatakan bahawa sebelum memuktamadkan kontrak dan rekabentuk *glass door*, PYM kerap menukar

fikirannya, menyebabkan PP terpaksa meminda dan mengeluarkan 3 sebutharga.

- [13] Selanjutnya PP hanya bersetuju untuk memulangkan kos sebanyak RM1500 sahaja bagi satu unit *glass door* tersebut.

Keputusan

- [14] Tribunal telah meneliti Borang 1 PYM , Borang 2 PP, keterangan lisan PYM dan PP, eksihabit dan lain-lain dokumen yang dikemukakan.
- [15] Tribunal mendapati bahawa PP telah membekalkan *security mesh* tetapi gagal menyiapkan pemasangannya pada semua tingkap yang ditetapkan dalam kontrak (sebutharga PYM3 dirujuk). Walau pun PP telah membekalkan *glass door* tetapi Tribunal mendapati PP gagal mengikut rekabentuk dan spesifikasi yang ditetapkan dan dipersetujui oleh PYM.
- [16] Tribunal merujuk kepada seksyen 32 Akta Perlindungan Pengguna yang menetapkan barang yang dibekalkan hendaklah tersirat suatu gerenti bahawa barang itu berkualiti, dapat diterima dari segi rupa dan kemasan, sesuai diguna. Tribunal mendapati bahawa daripada keterangan kedua-dua pihak *glass door* tersebut tidak dapat dipasang dan diguna melainkan PYM mengubahsuai ruang tempat pintu itu hendak dipasang dengan menambah kekisi di tempat itu, tetapi tidak dipersetujui oleh PYM. Selanjutnya PYM juga menyatakan bahawa cermin dan rekabentuk pintu tersebut tidak seperti spesifikasi yang dipersetujuinya.
- [17] Tribunal juga merujuk kepada seksyen 55 Akta yang sama yang menetapkan bahawa jika perkhidmatan dibekalkan ianya hendaklah tersirat satu gerenti bahawa perkhidmatan itu akan disiapkan dalam masa yang ditetapkan mengikut kontrak. PP telah lewat dalam memula dan menyiapkan kerja -kerja pemasangan dan terdapat juga sebahagian kerja pemasangan *security mesh* tidak diselesaikan oleh PP.
- [18] Tribunal mendapati bahawa PP telah gagal mematuhi seksyen 32 dan 55 Akta Perlindungan Pengguna 1999.

[19] Selanjutnya, Tribunal juga mendapati bahawa PP tidak mempunyai alasan pembelaan yang kukuh untuk menafikan tuntutan PYM.

[20] Oleh yang demikian, berdasarkan fakta-fakta dan keterangan lisan PYM dan PP dan lain-lain dokumen yang dikemukakan oleh pihak-pihak, Tribunal memberi **award Borang 10** seperti berikut :

- a. Tuntutan PYM dibenarkan;
- b. PP hendaklah menyiapkan pemasangan *security mesh* bagi butiran A 1 (b), (c) dan (d) (rujuk ekshibit PYM3) dalam tempoh 30 hari dari tarikh award;
- c. PP hendaklah memulangkan wang berjumlah RM4870.90 kepada PYM dalam tempoh 30 hari dari tarikh award; dan
- d. PYM hendaklah memulangkan satu unit *glass door* kepada PP dengan kos pengangkutan ditanggung oleh PP.

DATO' FAIZA BINTI ZULKIFLI
PRESIDEN
TRIBUNAL TUNTUTAN TRIBUNAL MALAYSIA